

ورقة مانوسكريف ملايو

Workah Manuskrip Melayu

Bil. 1/2008

Januari – Jun 2008

ISSN 0128-6897

LAWATAN KERJA MENTERI PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN KE PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Pada 5 Mei 2008 Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KPKKW), Y.B Dato' Seri Hj. Mohd Shafie bin Hj. Apdal telah mengadakan lawatan kerja ke Perpustakaan Negara Malaysia. Sempena dengan lawatan tersebut, Pusat Manuskrip Melayu telah mempamerkan 8 naskah manuskrip Melayu yang unik dan menarik. Di antaranya *Hikayat Hang Tuah* (MSS 1713), *Hikayat Seri Rama* (MSS 1055) dan *Hukum Kanun Melaka* (MSS 23).

Di samping itu, Bahagian Pemuliharaan juga telah mengadakan demonstrasi pemuliharaan manuskrip Melayu.



Menteri KPKKW, Dato' Seri Hj. Mohd Shafie bin Hj. Apdal diiringi oleh Timbalan Menteri KPKKW, Y.B Teng Boon Soon, Ketua Setiausaha Dr. Muzahet Bin Masruri dan barisan pengurusan PNM melawat Pusat Manuskrip Melayu.

AKTIVITI SEMARAK JAWI DI LEMBAGA MUZIUM NEGERI TERENGGANU

Lembaga Muzium Negeri Terengganu dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia telah mengadakan Pameran Keunggulan Jawi di Dewan Mandalika, Lembaga Muzium Negeri Terengganu pada 17 Mac 2008 hingga 8 Mei 2008. Bersempena dengan pameran tersebut, Perpustakaan Negara Malaysia telah mengadakan aktiviti Semarak Jawi pada 18 - 20 April 2008.

Aktiviti yang berlangsung selama 3 hari itu telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan di kalangan pelajar sekolah dan orang ramai. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

- i Gali kata
- ii Bina kata
- iii Pantas Jawi
- iv Minda Jawi
- v Pintar Jawi



Peserta sedang mengambil bahagian di dalam aktiviti Pantas Jawi.



Sambutan yang menggalakkan dari kalangan pelajar sekolah.

Mutiara Kata

Kecantikan yang abadi terletak pada keelokkan adab dan ketinggian ilmu seseorang, bukan terletak pada wajah dan pakaiannya.

Hamka

Info Manuskrip

SENI KHAT DALAM MANUSKRIP MELAYU

Seni khat atau seni tulisan indah dikatakan berasal dari Tanah Arab. Ia mula diperkenalkan sejak bermulanya penulisan mushaf al-Quran di bawah pemerintahan Khalifah Saidina Usman bin Affan. Seni khat kufi merupakan bentuk kaligrafi Islam yang tertua dan paling sukar dibaca kerana pembentukan setiap huruf-hurufnya adalah kaku dan ditulis seperti blok-blok serta tidak berharakat. Walaupun sukar untuk dibaca, namun seni khat ini amat unik dan menarik.

Penggunaan seni khat dalam manuskrip Melayu telah bermula sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Pada asasnya tulisan gaya nasakh banyak digunakan dalam manuskrip Melayu. Seiring dengan peredaran masa, seni khat telah terus berkembang hingga menghasilkan khat thuluth, riq'ah, nasta'liq, diwani dan farisi yang masih digunakan hingga ke hari ini.



Seni khat nasakh bercirikan farisi dalam manuskrip *Syair Laksana Kita* (MSS 2590)



Seni khat nasakh dalam manuskrip *Hikayat Nur Muhammad* (MSS 765)

<p>PENASIHAT Raslin bin Abu Bakar <i>Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia</i></p>
<p>EDITOR Siti Mariani S.M Omar <i>Pengarah Perkhidmatan Malaysia</i> TIMBALAN EDITOR Rahimah Hj. Ahmad PENGARANG Norzila Mohamed Rosly</p>
<p>URUSETIA Perpustakaan Negara Malaysia, Pusat Manuskrip Melayu 232, Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur Tel: 03-26871700 Laman web: http://www.pnm.my E-mel: pmm@pnm.my</p>

Info Manuskrip

SENI KHAT DALAM MANUSKRIP MELAYU

Seni khat atau seni tulisan indah dikatakan berasal dari Tanah Arab. Ia mula diperkenalkan sejak bermulanya penulisan mushaf al-Quran di bawah pemerintahan Khalifah Saidina Usman bin Affan. Seni khat kufi merupakan bentuk kaligrafi Islam yang tertua dan paling sukar dibaca kerana pembentukan setiap huruf-hurufnya adalah kaku dan ditulis seperti blok-blok serta tidak berharakat. Walaupun sukar untuk dibaca, namun seni khat ini amat unik dan menarik.

Penggunaan seni khat dalam manuskrip Melayu telah bermula sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Pada asasnya tulisan gaya nasakh banyak digunakan dalam manuskrip Melayu. Seiring dengan peredaran masa, seni khat telah terus berkembang hingga menghasilkan khat thuluth, riq'ah, nasta'liq, diwani dan farisi yang masih digunapakai hingga ke hari ini.



Seni khat nasakh bercirikan farisi dalam manuskrip *Syair Laksana Kita* (MSS 2590)



Seni khat nasakh dalam manuskrip *Hikayat Nur Muhammad* (MSS 765)

PENASIHAT

Raslin bin Abu Bakar

Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia

EDITOR

Siti Mariani S.M Omar

Pengarah Perkhidmatan Malaysia

TIMBALAN EDITOR

Rahimah Hj. Ahmad

PENGARANG

Norzila Mohamed Rosly

URUSETIA

Perpustakaan Negara Malaysia, Pusat Manuskrip Melayu

232, Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur

Tel: 03-26871700

Laman web: <http://www.pnm.my> E-mel: pmm@pnm.my